

# Hari buang undi 29 Nov. cuti umum

Oleh NAZEM NONG SAMAH

PUTRAJAYA 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan hari pengundian pilihan raya umum ke-10 pada Isnin 29 November ini sebagai cuti umum.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menandatangani surat perintah kerajaan untuk mengisytiharkan hari berkenaan sebagai cuti umum.

"Ia akan diwartakan," katanya dalam pertemuan dengan sekumpulan editor media tempatan di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata, langkah itu membolehkan seberapa banyak orang pergi mengundi terutama mereka yang bekerja jauh dari kawasan tempat mereka mengundi.

Di Kuala Lumpur, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyambut baik keputusan kerajaan itu.

Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan berkata, langkah itu memberi keselesaan kepada kakitangan awam untuk keluar menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

"Kita berharap mereka dapat membuat pilihan yang bijak ketika mengundi dan menghargai segala keprihatinan kerajaan kepada sektor awam," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Abd. Rahman juga berharap kerajaan memberikan cuti khas kepada kakitangan awam yang bertugas mengendalikan proses perjalanan pilihan raya terutama di pusat-pusat pengundian.

"Mereka yang menjalankan tugas itu diharap dapat menunaikan tanggungjawab dengan jujur supaya imej kakitangan awam dipandang tinggi oleh masyarakat," tegasnya.

Sebelum ini pelbagai pihak termasuk CUEPACS telah meminta kerajaan mengisytiharkan hari mengundi sebagai cuti umum untuk memudahkan orang ramai mengundi.